

20 APR 2001

Mahathir-Hutang

MAHATHIR NAFI NEGARA BERHUTANG RM1 TRILION

KOTA BAHARU, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan pembangkang kononnya Malaysia mempunyai hutang berjumlah RM1 trilion.

Beliau berkata perkara itu dibangkitkan di Parlimen baru-baru ini.

"Saya hendak tahu macam mana mereka boleh dapat jumlah itu. RM1 trilion bersamaan dengan RM1,000 bilion. Suatu angka yang besar," katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 peringkat kebangsaan di sini.

Hutang negara yang dibuat oleh kerajaan dan pihak swasta berjumlah tidak sampai RM100 bilion, katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta menghurai ucapan perasmianya yang menyentuh soal hutang itu.

Dr Mahathir berkata negara tidak mempunyai masalah untuk membayar balik hutangnya.

"Ada masa kita bayar balik hutang walaupun tempoh bayaran belum sampai," katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan berusaha menyusun semula masyarakat dan mengagihkan kekayaan dan membangunkan negara, hutang negara ini tidak begitu besar.

Beliau berkata, negara berjaya melakukannya tanpa hutang terlalu banyak daripada luar negara.

Keupayaan negara mengurus ekonomi dan hutangnya menyebabkan Malaysia tidak perlu berhutang dengan pihak lain termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika kegawatan ekonomi dahulu, katanya.

Sementara itu mengulas mengenai penutupan sementara pejabat Konsulat Malaysia di Pontianak pada Selasa lepas demi keselamatan kakitangan pejabat itu selepas satu demonstrasi, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji mengapa pejabat konsulat itu diancam.

Penutupan dan pemindahan 13 kakitangan serta anggota keluarga pejabat konsulat itu dibuat setelah pihak keselamatan Kalimantan Barat memaklumkan mengenai ancaman itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar semalam berkata yang demonstrasi di konsulat itu berkaitan dengan kes penderaan seorang pembantu rumah warga Indonesia di Sarawak dan insiden seorang nelayan negara itu ditembak mati pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Ketika diminta mengulas saranan Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (Suhakam) mengenai kewujudan akta-akta yang menyekat kebebasan bersuara dan memberikan pandangan, Perdana Menteri berkata: "Itu pandangan dia. Dalam masa mana-mana pihak cuba guna kebebasan diri, orang lain akan kehilangan kebebasan pula".

Sebagai contoh, demonstrasi jalanan bukan sahaja mengancam kerajaan tetapi peniaga juga terancam perniagaan mereka.

"Kerajaan nak jaga kebebasan orang ini juga. Kalau nak demonstrasi tengah laut tak apa," katanya.

Antara akta yang dinyatakan oleh Suhakam ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Universiti dan Kolej 1971.

Dr Mahathir ketika menjawab soalan berkaitan berkata, kerajaan akan meneliti saranan Suhakam supaya memberikan permit bagi perhimpunan statik seperti di stadium, dewan dan kawasan persendirian.

"Sementara berpegang kepada demokrasi, tidak bermakna rakyat boleh buat

sesuka hati. Seperti di satu negara lain, pemimpin dijatuhkan melalui demonstrasi.

"Di negara ini, dia bukan nak berdemonstrasi di tempat khas tetapi atas jalan," katanya.

Mengulas lanjut ucapannya yang menyentuh mengenai kelembapan kaum Bumiputera melabur dalam saham-saham amanah berbanding dengan kaum lain, Dr Mahathir berkata ia disebabkan oleh beberapa faktor termasuk soal tidak mampu, ragu-ragu dan mahu mendapatkan untung dengan cepat.

"Mereka nampaknya tidak fikir tentang masa depan. Hanya fikir masa sekarang. Labur hari ini nak untung hari ini juga," katanya.

-- BERNAMA

JM PR